

# Sambung pengajian bidang sains makanan, pemakanan

**UB 08.02.2024 P.08**

**KOTAKINABALU:** Fakulti

Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempelawa pelajar aliran sains menyambung pengajian dalam bidang sains makanan dan pemakanan di universiti itu.

FSMP menawarkan empat program ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang pengkhususan Perkhidmatan Makanan, Sains Makanan dan Pemakanan, Pemakanan dan Teknologi Makanan.

Dekan FSMP Profesor Madya Ts. Dr. Hasmadi Matmat berkata, empat program itu telah mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan dua daripadanya turut mendapat pengiktirafan agensi lain.

"Program Pemakanan turut mendapat pengiktirafan oleh Majlis Profesional Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM), manakala Program Sains Makanan dan Pemakanan pula telah mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh International Food Technologist (IFT) pada Disember 2023," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan program promosi akademik di Kolej Matrikulasi Labuan (KML), baru-baru ini.

Hasmadi berkata program yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan program-program pra-



**TERIMA KASIH:** Hasmadi (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Mahyuddin sempena majlis itu.

siswazah yang ditawarkan oleh FSMP UMS.

Sementara itu, Pengarah KML, Mohd. Mahyuddin Mohd. Noordin berkata penganjuran program seumpama itu memberi manfaat besar kepada pelajar KML untuk mendapat pendedahan dalam program akademik dan kerjaya berkaitan sains makanan dan pemakanan.

"Program promosi ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi para pelajar untuk membuat persiapan awal ke peringkat universiti."

"Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Pihak KML berbesar hati dan mengalu-alukan peluang kolaborasi lain bersama FSMP kelak," katanya.

Seramai 1,260 pelajar yang hadir pada program tersebut berpeluang mendapatkan maklumat lanjut mengenai program akademik, peluang pekerjaan, tawaran biasiswa serta aktiviti-aktiviti pelajar FSMP UMS melalui taklimat yang disampaikan oleh ketua program masing-masing.

Turut hadir Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa FSMP, Profesor Madya Dr. Wolyna Pindi serta Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar KML, Syahmun Yahya.